



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU TAHUN PERTAMA 2025

Pasaran buruh negara kekal kukuh pada suku pertama 2025, dengan tenaga buruh seramai 17.23 juta orang dan kadar pengangguran stabil pada 3.1 peratus.

PUTRAJAYA, 23 MEI 2025 – Pasaran buruh negara kekal kukuh pada suku pertama 2025, dengan tenaga buruh seramai 17.23 juta orang dan kadar pengangguran stabil pada 3.1 peratus. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Pasaran Buruh, Suku Pertama 2025 (LMR ST1 2025)** hari ini, yang menggabungkan statistik buruh suku tahunan dan menyediakan analisis mendalam mengenai trend pasaran buruh Malaysia. Edisi ini juga memaparkan artikel khas, untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang Kepimpinan Wanita di Malaysia: "Trend dalam Perwakilan Gender dalam Jawatan Pengurusan"

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia meningkat sebanyak 4.4 peratus pada suku pertama 2025 (ST1 2025), mengatasi pengembangan 4.2 peratus dalam tempoh yang sama tahun lepas, sebahagiannya didorong oleh pasaran buruh yang berdaya tahan. Momentum pertumbuhan diperkukuhkan oleh perbelanjaan pengguna yang lebih kukuh semasa tempoh perayaan Tahun Baru Cina dan bulan Ramadan serta sambutan Hari Raya Aidilfitri, termasuk dasar polisi pelaksanaan gaji minimum pada Februari 2025 dan gaji penjawat awam yang lebih tinggi. Di samping inflasi yang stabil pada 1.5 peratus dan penggunaan swasta meningkat sebanyak 5.0 peratus, mengukuhkan lagi prestasi ekonomi negara."

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan bagi suku pertama 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, menyatakan bahawa penawaran buruh kekal kukuh, disokong oleh peningkatan berterusan dalam pekerjaan dan penurunan dalam pengangguran. Tenaga buruh meningkat sebanyak 458.7 ribu orang kepada 17.23 juta orang (ST1 2024: 16.77 juta orang), didorong oleh

peningkatan 3.0 peratus tahun ke tahun dalam penduduk bekerja kepada 16.70 juta orang. Kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 70.7 peratus (ST1 2024: 70.5 peratus), manakala bilangan penganggur menurun kepada 526.3 ribu orang, dengan kadar pengangguran kekal stabil pada 3.1 peratus.

Dalam menangani situasi guna tenaga tidak penuh, Ketua Perangkawan menyatakan bahawa pertumbuhan guna tenaga yang berterusan pada ST1 2025 membawa kepada penurunan ketara dalam penunjuk guna tenaga tidak penuh. Bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu menurun sebanyak 11.1 peratus tahun ke tahun kepada 242.7 ribu orang. Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa juga mencatatkan penurunan sebanyak 9.2 peratus, berjumlah 146.9 ribu orang, dengan kadar pada 1.5 peratus. Sementara itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang merujuk kepada mereka yang berpendidikan tertiar tetapi bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah, mencatatkan peningkatan marginal kepada 1.95 juta orang (ST1 2024: 1.92 juta orang). Walau bagaimanapun, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran menunjukkan trend menurun kepada 35.7 peratus daripada 36.4 peratus dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, permintaan buruh kekal pada trajektori menaik, mencatatkan peningkatan 1.4 peratus kepada 9.06 juta jawatan pada ST1 2025. Daripada jumlah jawatan yang ada, 8.87 juta jawatan berjaya diisi, mewakili kadar pengisian hampir tepu sebanyak 97.9 peratus. Suku ini juga menyaksikan 194.1 ribu kekosongan, mewakili kadar kekosongan sebanyak 2.1 peratus. Penunjuk ini menunjukkan pasaran buruh yang kukuh dan berdaya tahan. Selain itu, bilangan jawatan diwujudkan mencatatkan peningkatan sebanyak 3.4 peratus tahun ke tahun, mencatatkan 33.2 ribu pada ST1 2025 berbanding 32.1 ribu pada ST1 2024.

Dari sudut produktiviti buruh yang diukur dengan nilai ditambah per pekerja, peningkatan sederhana tahun ke tahun sebanyak 1.3 peratus telah dicatatkan pada ST1 2025, mencecah RM24,580 per pekerja (ST1 2024: RM24,254). Begitu juga, produktiviti buruh per jam bekerja meningkat sebanyak 1.0 peratus kepada RM42.5 (ST1 2024: RM42.1), mencerminkan peningkatan berterusan dalam kecekapan tenaga buruh.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengakhiri kenyataannya pada siaran hari ini dengan berkata, "Pasaran buruh Malaysia kekal kukuh pada ST1 2025, beradaptasi dengan cabaran yang semakin meningkat dalam era Industri 4.0. Bagi memenuhi permintaan yang semakin tinggi terhadap kepakaran digital, kerajaan telah memperuntukkan inisiatif sebanyak RM20 juta untuk melatih 5,000 rakyat Malaysia dalam sektor teknologi utama serta memperkuat program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan

Embargo: Hanya untuk diterbitkan atau disebarkan pada jam 1200, Jumaat, 23 Mei 2025

Vokasional (TVET) dengan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Menuju ke hadapan, penekanan akan diberikan kepada peningkatan kemahiran, kepelbagaian ekonomi dan penggunaan teknologi untuk memacu produktiviti serta membina tenaga kerja yang kompetitif, berdaya tahan dan berorientasikan masa depan.”

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
23 MEI 2025